



193 KAKITANGAN UniMAP TERIMA ASG 2018

Oleh : Nurul Aida Othman

Seramai 193 kakitangan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menerima anugerah pada Majlis Anugerah Seri Gemilang 2018 (ASG) yang berlangsung di Dewan Mes Pegawai Kanan PDRM Kangar, di sini baru-baru ini.

Mereka adalah 129 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 54 Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang, dan 10 Anugerah Penghargaan Khas.

Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata setelah 17 tahun tertubuhnya UniMAP, pelbagai pengalaman pahit manis telah ditempuhi bersama.

"Tidak syak lagi, seluruh warga universiti mengembling tenaga sekian lama demi menaikkan nama institusi ini."

"Jika dilihat anugerah yang diberikan hari ini, tidaklah seberapa apabila dibandingkan dengan jasa yang telah ditabur," katanya ketika menyampaikan ucapan aluan pada majlis tersebut.

Tambah beliau, masih banyak lagi yang perlu dilakukan kerana perjalanan menuju UniMAP 2025 masih jauh dan amat mengkehendaki titik peluh warga UniMAP dari segenap sudut perkhidmatan.

"Tingkatkanlah usaha menabur bakti tanpa jemu. Sesungguhnya, tanpa saudara-saudari, laluan yang bakal ditempuhi pasti lebih mencabar lagi," katanya.

Berangkat hadir pada majlis tersebut adalah Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang merupakan Pro Canselor UniMAP.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man, dan Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP, Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin.

